

**UCAPAN PERASMIAN
YANG BERBAHAGIA DATO' DR. AHMAD KAMARULNAJUIB
BIN CHE IBRAHIM**

KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MoU) BAGI KERJASAMA DALAM PELAKSANAAN PROGRAM
KESEDARAN ALAM SEKITAR**

ANTARA

**JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DENGAN INSTITUSI
PENDIDIKAN TINGGI, INSTITUT LATIHAN, SYARIKAT
BERKAITAN KERAJAAN (GLC), SYARIKAT MULTINASIONAL
(MNC), SYARIKAT SWASTA, DAN SYARIKAT UTILITI**

**25 MAC 2019
RIVERSIDE MAJESTIC HOTEL,
KUCHING, SARAWAK**

**Yang Berusaha En Marconi Madai
Group Vice President HSSE Sarawak Energy**

**Yang Berusaha En Amirul bin Aripin
Pemangku Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak**

Ketua-Ketua Jabatan dan wakil-wakil Ketua Jabatan

Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif dan wakil-wakil syarikat

Para Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Saya amat berbesar hati serta berterima kasih di atas kesudian Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang sudi melapangkan masa untuk hadir di Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Dua Hala antara Jabatan Alam Sekitar dengan Institusi Pendidikan Tinggi, Institut Latihan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Multinasional (MNC), Syarikat Swasta dan Syarikat Utiliti Dan Servis.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Sarawak Energy Berhad selaku rakan kerjasama di dalam penganjuran Majlis Menandatangani MOU Bagi Kerjasama Dalam Pelaksanaan Program Kesedaran Alam Sekitar Tahun 2019 Negeri Sarawak.
3. Saya berasa sangat bertuah kerana pada hari ini, JAS sekali lagi secara rasminya akan melebarkan lagi jaringan kerjasama dalam melaksanakan aktiviti – aktiviti kesedaran alam sekitar.
4. Untuk makluman para hadirin sekalian, salah satu organisasi yang telah menandatangani MOU dengan JAS ialah Yayasan Bank Rakyat melalui Promosi Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Sesi 2018 / 2019 dan Kempen Amalan Tanpa Penggunaan Plastik Sekali Guna Dan Penyedut Minuman Plastik (*Let's Break Up With No Single-Use Plastic*) di sekolah yang telah diadakan pada 21 Mac 2019 di Putrajaya.

5. Pada hari ini, sebanyak 9 organisasi di Negeri Sarawak telah bersetuju dan mengambil bahagian. Ini menjadikan jumlah keseluruhan 10 organisasi di Negeri Sarawak menandatangani MOU dengan JAS Negeri Sarawak. JAS Negeri Sarawak telah menjalin hubungan kerjasama pintar (*smart and strategic partnership*) menerusi MOU dalam pelaksanaan program kesedaran alam sekitar dan Program Rakan Alam Sekitar sebagai salah satu langkah proaktif bagi menangani isu-isu alam sekitar di Negeri Sarawak.
6. Tahniah dan syabas kepada organisasi-organisasi ini iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Institut Latihan Perindustrian Kota Samarahan, PPKS Ilmu Sdn Bhd (iCATS), Sarawak Energy Berhad, Petronas Carigali Sdn Bhd (Sarawak Oil Asset), Sarawak Shell Berhad, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd, Asean Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd, Sejingkat Power Corporation Sdn Bhd dan X-FAB Sarawak Sdn. Bhd. JAS juga berbesar hati sekiranya ada pihak-pihak lain yang berminat untuk menjalinkan hubungan kerjasama strategik seperti ini.

Hadirin sekalian,

6. Pemuliharaan alam sekitar merupakan tanggungjawab kita semua. JAS mempunyai wawasan bahawa masyarakat Malaysia sensitif terhadap pemuliharaan alam sekitar dan sanggup memikul tanggungjawab untuk memastikannya terus dipelihara bukan sahaja untuk generasi kita tetapi juga bagi generasi akan datang. Ini menjadi harapan dan hasrat Jabatan supaya setiap warganegara Malaysia menanamkan sikap cintakan alam sekitar serta membudayakannya dalam kehidupan seharian.

7. Dalam hubungan ini, dan selaras dengan inisiatif Jabatan iaitu *Engaging The Industry Program - Environmental Sustainability Manager*, JAS telah mengambil pendekatan dengan menjalankan kerjasama pintar (*smart and strategic partnership*) dengan pihak industri, Institut Pengajian Tinggi, Institut Pendidikan/ Latihan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan-pertubuhan lain dalam menjalankan aktiviti kesedaran alam sekitar.

8. Sesi *engagement* dan *consultation* telah dilaksanakan dengan semua pihak berkepentingan dan antara program yang akan dijalankan ialah Debat Alam Sekitar di Negeri Terengganu dengan kerjasama Petronas. JAS juga sedang menjalankan Penganugerahan Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar 2019 dengan kerjasama Yayasan Bank Rakyat.

9. Di peringkat Negeri Sarawak, antara program-program yang telah dilaksanakan ialah Program Enviro Run dan Aerobathon dengan kerjasama Sarawak Energy Berhad, F&N Beverages Manufacturing Sdn. Bhd., Central Cold Storage Kuching Sdn. Bhd., Nestle Manufacturing (M) Sdn. Bhd. dan Mydin Petra Jaya sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018.

10. Program – program lain yang telah dijalankan antaranya ialah Majlis Pelancaran Program Kesedaran Alam Sekitar Bersama Murid-Murid Tabika dengan kerjasama Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. sempena Sambutan Hari Bumi 2018 dan Kem Kesedaran Alam Sekitar dengan kerjasama Petronas Carigali Sdn Bhd di Miri. Insya Allah lebih

banyak lagi program - program sedemikian akan dapat dijalankan dengan kerjasama semua pihak dengan pendekatan *smart and strategic partnership* ini.

Para Hadirin sekalian,

11. Di sini juga, saya juga ingin memaklumkan bahawa Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) akan disambut pada 21 Oktober setiap tahun. Sambutan ini akan diadakan secara serentak di seluruh Negara dan setiap JAS Negeri akan merancang program / aktiviti yang akan dilaksanakan.

12. Saya berbesar hati menjemput para hadirin sekalian untuk menyertai dan bekerjasama dalam penganjuran program-program yang dirancang oleh JAS. Selain itu, Tuan-Tuan dan Puan- Puan juga digalakkan untuk menganjurkan program bersempena Hari Alam Sekitar Negara di premis masing-masing dan JAS Negeri bersedia untuk membantu bersama menjayakan program tuan- puan.

11. Alhamdulillah sebentar lagi akan berlangsungnya sesi menandatangani MOU antara JAS dengan pihak – pihak berkepentingan bagi menjalankan program-program kesedaran pada masa hadapan. Untuk makluman, MOU ini menfokuskan kepada dua intipati utama iaitu:

- a. Melaksanakan dan mempromosikan aktiviti / program kesedaran alam sekitar; dan
- b. Melaksanakan, menggalakkan dan meningkatkan

penyertaan keahlian dalam program Rakan Alam Sekitar

12. Ia berfungsi sebagai suatu pernyataan persefahaman dan hasrat untuk bekerjasama antara satu sama lain di mana pihak-pihak yang menandatangani MOU ini tidak terikat kepada apa-apa tanggungan atau liabiliti secara perundangan.

13. Adalah menjadi harapan saya agar pelaksanaan pendekatan baharu seperti ini dapat menambah kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dan mencapai situasi menang-menang (*win-win situation*) kepada semua pihak.

Hadirin sekalian,

14. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini terutamanya kepada Sarawak Energy Berhad di atas kesudian untuk menjalankan kerjasama korporat bersama JAS. Tahniah dan syabas di atas usaha dan komitmen yang telah ditunjukkan. Saya berharap kita semua akan terus memperjuangkan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar di Malaysia dan kerjasama strategik seperti ini akan menjadi medan utama dalam memberikan manfaat kepada semua pihak khususnya di Negeri Sarawak.

15. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian Tuan-Tuan dan Puan-Puan, termasuk ketua dan wakil – wakil agensi kerajaan yang hadir ke majlis ini. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-

Puan ke Majlis ini membuktikan sokongan padu pelbagai pihak terhadap usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar. Marilah kita bersama-sama menjadikan kelestarian alam sekitar dan pembangunan lestari tanggungjawab kita bersama.

16. Sehubungan itu, sukacitanya saya dengan lafaz “BISMILLAHIR RAHMAN NIRRAHIM” merasmikan Majlis Menandatangani MOU Bagi Kerjasama Dalam Pelaksanaan Program Kesedaran Alam Sekitar Tahun 2019 Negeri Sarawak.

Sekian. Terima Kasih.